



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Trend peralihan undi kaum Cina

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang baru berakhir membawa kita kepada satu dimensi cukup kompleks yang memerlukan pemahaman serta penghayatan teliti serta menyeluruh. Tatkala Barisan Nasional (BN) kembali membentuk Kerajaan Persekutuan dengan majoriti lebih rendah daripada PRU-12 iaitu 133 kerusi, pelbagai persoalan mula diperdebatkan.

Antaranya ialah analisis trend sokongan pengundi Cina yang jelas tidak memihak kepada BN, kegagalan BN untuk sekali lagi meraih undi majoriti 2/3, kemerosotan kerusi Parlimen BN serta peningkatan kerusi Parlimen pakatan pembangkang, terutama DAP.

Perlu analisis terperinci

Hakikatnya keputusan PRU-13 membuatka laluan cukup penting dan juga penting untuk seluruh rakyat Malaysia memikirkan senjak masa depan pola perhubungan dan sistem politik dan pemerintahan di negara kita. Apa yang jelas seperti diakui Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, keputusan yang kurang memberangsangkan kepada BN ini berpunca daripada 'tsunami kaum Cina' yang tidak memberikan sokongan kepada BN sehingga MCA dan GERAKAN yang mewakili kaum Cina tewas di kebanyakan kerusi kepada DAP.

Ini satu situasi cukup kompleks. Ramai masih tertanya-tanya apa punca orang bukan Melayu, terutama masyarakat Cina beralih angin begitu hebat sekali dalam PRU kali ini. Apakah segala kemudahan diberikan dan disediakan oleh pihak kerajaan selama ini masih gagal untuk memikat hati mereka?

Punca peralihan sokongan

Apa sebenarnya mereka mahu? Perkara ini perlu dikaji secara mendalam oleh BN supaya dapat mengenal pasti punca peralihan sokongan, terutama kaum Cina ini. BN perlu memahami mesej cuba disampaikan oleh rakyat daripada kaum Cina.

Apa yang pasti MCA dan GERAKAN sebagai parti yang mewakili kaum Cina dalam BN perlu melihat keputusan ini sebagai 'the moment of truth' yang memerlukan mereka segera meneken butang panik supaya bangkit melakukan sesuatu dengan segera jika tidak mahu terus bertambah

parah dalam PRU-14 kelak.

Hal ini penting kerana perkara hampir sama berlaku pada tahun 2008 apabila MCA dan GERAKAN mengalami kekalahan besar.

Maka ia jelas menunjukkan satu trend peralihan sokongan masyarakat Cina daripada BN kepada pakatan pembangkang. Jelas mereka mahukan sesuatu lebih besar daripada pihak kerajaan.

Malah peralihan sokongan pengundi Cina juga dikatakan antara punca utama BN gagal meraih sokongan majoriti 2/3, malah lebih merosot daripada PRU-12 di mana kerusi Parlimen berkurungan daripada 140 pada 2008 kepada 133 pada kali ini.

Sebaliknya kerusi pakatan pembangkang meningkat tujuh kerusi daripada 82 kepada 89 dan apa yang menariknya dalam peningkatan ini adalah kerusi DAP meningkat 10 kerusi daripada 28 kepada 38 berbanding Keadilan dan PAS yang masing-masing mengalami penurunan satu dan dua kerusi.

Isu dimainkan pakatan pembangkang

Sekali lagi jelas membuktikan bahawa orang bukan Melayu menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada pakatan pembangkang, terutama DAP. Tetapi persoalannya adakah ia bersandarkan kepada sentimen perkauman atau ideologi perjuangan?

Isu satu lagi isu cukup menarik untuk diperhalusi, diteliti dan juga untuk dibuat kajian secara mendalam oleh pakar politik tanah air. Kekalahan mantan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman kepada Penasihat DAP Lim Kit Siang jelas memutikkan satu lagi lembaran baharu dalam pola perhubungan kaum di negara kita. Ia juga membina satu landskap baru yang perlu dihayati oleh generasi muda yang cintakan perpaduan kaum.

Analoginya sangat mudah, seorang calon Melayu yang juga tokoh besar tumbangan apajiti bertanding di kawasan majoriti pengundi Cina. Begitu juga senario yang berlaku di beberapa kawasan utama yang lain di seluruh negara.

Hala tuju kaum Cina

Persoalan pokok di sini bukanlah kenapa BN tidak mendapat sokongan pengundi Cina, tetapi

isunya apa hala tuju sokongan dan kehendak isi hati pengundi bukan Melayu, terutama pengundi Cina serta sejauh mana ia mempengaruhi pola perhubungan kaum di negara kita.

Mengambil kira situasi ini, maka apa yang jelas sekarang ialah kerajaan perlu buat sesuatu dengan segera untuk memperbaiki keadaan ini. Andai kita mahu terus maju sebagai satu bangsa Malaysia kita perlu menilai semula arah tuju pola perhubungan kaum di negara kita di samping menilai segala hasrat dan tuntutan rakyat akar umbi, terutama masyarakat kelas pertengahan.

Mungkin kaum Cina sudah merasai hidup selesa

Apakah tahap kehidupan kumpulan ini selesa dan terjamin selama ini? Apakah segala kemudahan dan insentif yang kerajaan sediakan selama ini sampai kepada mereka? Apakah tahap perpaduan kaum di negara kita semakin kukuh mahupun semakin merisaukan? Jelas, segala anjakan terhadap perpaduan kaum perlu diperangi habis-habisan. Segala usaha untuk memperakperandakan aliran hubungan kaum perlu ditangani dengan bijak dan secara berhemah.

Dan pada masa sama segala keperluan asas kumpulan kelas pertengahan perlu diambil berat secara serius. Keperluan mereka perlu diberikan fokus dan keprihatinan yang khusus. Hal ini kerana ternyata kumpulan ini juga memainkan peranan yang penting dalam mencorakkan pola pengundian dalam PRU kali ini.

Walaupun gagal meraih majoriti 2/3, hakikatnya ialah BN masih diberi peluang untuk memerintah dan amalan demokrasi ini perlu terus dijunjung. Keputusan rakyat ini perlu dihormati oleh semua pihak.

Kita perlu terus maju ke hadapan. Hanya berbaki tujuh tahun untuk kita merealisasikan impian dan wawasan kita untuk menjadip sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Untuk itu semua pihak tanpa mengira ideologi politik dan kaum perlu bersatu padu kembali bertaut kepada kontrak sosial yang kita meterai agar bersama-sama berganding bahu memikul amanah memajukan bumi bertuah ini.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM